

06/05/2003

Kakitangan awam nikmati pelbagai imbuhan

KUALA LUMPUR: Kakitangan awam kini menikmati pelbagai imbuhan dan tidak sewajarnya menuntut sebarang keistimewaan tambahan, kata Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Datuk Ismail Adam.

Beliau berkata, semua tuntutan kakitangan kerajaan selama ini juga diberi pertimbangan sewajarnya.

"Selain kenaikan gaji pada 2000 dan 2001, kerajaan tidak lupa membayar bonus kepada kakitangan awam, malah skim anjakan gaji yang lebih menarik juga diperkenalkan menerusi Sistem Saraan Malaysia (SSM) tahun lalu," katanya pada sidang media di sini sempena hari pertama Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di bawah SSM, semalam.

Ismail berkata, kakitangan awam seharusnya meningkatkan mutu kerja dan pengeluaran, selain lebih cekap melaksanakan tanggungjawab berkhidmat kepada rakyat.

Beliau diminta mengulas nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar kakitangan awam tidak sentiasa menuntut kenaikan gaji kerana ini akan menyebabkan negara menjadi miskin dan kos sara hidup meningkat.

Perdana Menteri yang ditemu bual majalah rasmi perkhidmatan awam, Khidmat, juga menolak cadangan supaya kakitangan awam bekerja lima hari seminggu kerana Malaysia masih tidak mampu melaksanakannya berikutan belum

menjadi negara maju.

Dr Mahathir berkata, masih ada perkhidmatan yang memerlukan tempoh bekerja tujuh hari seminggu dan pekerja yang dibayar gaji serta elaun yang tinggi pada hari cuti akan menyebabkan peningkatan kos.

Ismail juga menyifatkan cadangan menambah cuti bagi sektor awam ini sebagai tidak wajar.

"Kita sudah mempunyai banyak cuti umum berbanding negara lain.

Tambahan

pula, kakitangan awam menyediakan perkhidmatan untuk rakyat dan sudah tentu cuti tambahan akan menyukarkan urusan harian mereka," katanya.

Sekarang, kerajaan sudah mengiktiraf 13 hari sebagai cuti umum dan 26 cuti perayaan atau acara sambutan bagi negeri tertentu selain pengisytiharan cuti pada Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan.

Sementara itu, Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berbeza pendapat berhubung isu tempoh bekerja lima hari seminggu.

Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam berkata, pihaknya menerima keputusan kerajaan untuk tidak melaksanakan cadangan bekerja lima hari seminggu di sektor awam.

"Kami menghormati pandangan Dr Mahathir yang melihatnya dari perspektif pembangunan negara.

"Dengan penjelasan Dr Mahathir, kami berpendapat cuti bagi Sabtu

minggu pertama dan ketiga sudah mencukupi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak berkata, MTUC tetap

mempertahankan perjuangannya bagi membolehkan kakitangan sektor swasta bekerja lima hari seminggu.

Beliau berkata, bekerja lima hari seminggu membolehkan pekerja mempunyai lebih masa untuk menyelesaikan urusan sendiri atau keluarga.

"Jika bekerja lima hari seminggu, pada hari keenam mereka boleh menyelesaikan urusan peribadi dan keluarga seperti ke bank, hospital dan membayar bil.

"Mereka juga dapat meluangkan waktu untuk keluarga dan masyarakat, sekali gus mewujudkan masyarakat penyayang. Jika mereka bekerja pada hari Sabtu minggu kedua dan keempat, mereka hanya bekerja empat jam. Ini kurang efisien," katanya.